

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HARUMANIS JADI JUADAH BERBUKA, NEGARA, KOSMO -3 HARUMANIS GANTI KURMA MENU BUKA PUASA, UTUSAN MALAYSIA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4.	EMPAT NELAYAN ASING TANGKAP GAMAT HARAM DI PERAIRAN NEGARA DIBERKAS, NEGARA, KOSMO -17 JABATAN PERIKANAN, PPM RAMPAS 83 BUBU NAGA, BH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	MAYAT KRU FERI DEKAT JETI LKIM, SETEMPAT, HM -2	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	MADA SASAR PENGELUARAN PADI 10 TAN PER HEKTAR, BH -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8. 9. 10.	CILI KAMPUNG JANA PENDAPATAN, VARSITI, BH -V9 KARTUNIS 'CIPTA' ARCA JERAMI PADI, MY METRO -ONLINE PERMUDAHKAN PENGUSAHA JENTERA PERTANIAN BELI DIESEL DENGAN KUANTITI YANG BANYAK, UM -ONLINE KERAJAAN PERLU OPTIMUMKAN RIZAB PADANG RAGUT, SIDANG DUN PAHANG, SH -22	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Peminat mempelam digalakkan pelbagaikan juadah iftar sepanjang Ramadan

Harumanis jadi juadah berbuka

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

KANGAR – Peminat harumanis digalakkan untuk berbuka puasa dengan mempelam itu selain kurma untuk mempelbagaikan hidangan sepanjang bulan Ramadan.

Pengerusi Pertanian dan Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, cadangan itu mampu mengatasi masalah lambakan mempelam tersebut khususnya sepanjang bulan Ramadan.

“Selain itu, kita juga menyambut baik cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub untuk menjadikan harumanis sebagai menu wajib dalam majlis kerajaan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.



KURMA biasa dimakan untuk berbuka puasa oleh umat Islam di seluruh dunia.

Kata beliau, langkah lain yang boleh dilakukan bagi mengelakkan berlaku lambakan adalah dengan menjadikan produk itu sebagai cenderahati.

“Kita yakin sambutan orang ramai terhadap harumanis akan terus meningkat seperti tahun-tahun sebelum ini,” ujarnya.

Tambahnya, kerajaan negeri juga menyediakan sebuah lori bagi memudahkan urusan pengangkutan mempelam harumanis ke luar negeri dengan anggaran pengeluaran tahun ini sebanyak 2,100 metrik tan.

“Para pengusaha harumanis tidak perlu bimbang mengenai isu lambakan ini



PEMINAT harumanis digalakkan untuk memakan buah itu untuk berbuka puasa di samping kurma. — Gambar hiasan

kerana Lembaga Pemastuoran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membeli

kesemua buah yang tidak habis dijual,” ujarnya.

Pengeluaran harumanis

akan bermula pada awal Mei ini hingga penghujung Jun depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Harumanis ganti kurma menu buka puasa



KANGAR 17 April - Rakyat di negeri ini digalakkan menjadikan mempelam harumanis sebagai menu berbuka puasa bagi menggantikan kurma pada Ramadan nanti.

Pengerusi Pertanian dan Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, cadangan dan galakan tersebut juga sebagai alternatif sekiranya berlaku lambakan mempelam berkenaan khususnya pada bulan puasa.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga menyediakan sebuah lori bagi memudahkan urusan penghantaran mempelam harumanis ke luar negeri dengan anggaran pengeluaran tahun ini sebanyak 2,100 metrik tan.

"Selain dijadikan menu berbuka puasa menggantikan kurma, antara kaedah lain bagi mengelakkan lambakan mempelam berkenaan khususnya pada Ramadan adalah seperti buah tersebut dijadikan menu wajib dalam majlis kerajaan seperti yang dicadangkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub baru-baru ini.

"Selain itu, produk-produk harumanis juga boleh dijadikan sebagai cenderahati pada majlis-majlis khususnya pada Ramadan ini.

"Kita yakin sambutan orang ramai terhadap harumanis akan terus meningkat seperti tahun-tahun sebelum ini," katanya di sini hari ini.

Selain itu kata beliau, para pengusaha harumanis juga tidak perlu bimbang mengenai isu lambakan ini kerana Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membeli kesemua buah berkenaan yang tidak habis dijual.

Untuk rekod, pengeluaran harumanis akan bermula pada awal Mei ini sehingga penghujung Jun depan. - UTUSAN ONLINE

Empat nelayan asing tangkap gamat haram di perairan negara diberkas

PASIR PUTEH - Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menahan empat nelayan termasuk seorang tekong dari Vietnam kerana menangkap gamat secara haram di perairan negara kelmarin.

Pemangku Pengarah APMM Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, mereka ditahan bersama bot yang digunakan kira-kira 56 batu nautika dari Muara Tok Bali pada pukul 12.28 tengah hari.

"Mereka cuba me-

semalam.

Ismail berkata, mereka yang berusia 27 hingga 55 tahun dibawa bersama bot itu ke Ibu Pejabat APMM Tok Bali di sini bagi siasatan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985.

Jelasnya, APMM memandang berat perbuatan itu kerana ia boleh merosakkan batu karang dan kawasan pembiakan ikan.

Tambahnya, nilai barangan yang dirampas termasuk bot dianggarkan berjumlah RM65,000. - Bernama



ISMAIL (kiri) melihat sebahagian daripada hasil tangkapan gamat yang dirampas daripada empat nelayan asing di Pasir Puteh, Kelantan kelmarin.

larikan diri sebaik namun berjaya ditahan," katanya dalam menyedari kehadiran satu kenyataan di sini bot peronda APMM,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Jabatan Perikanan, PPM rampas 83 bubu naga

TUMPAT: Sebanyak 83 unit bubu naga yang dianggarkan bernilai RM16,600, dirampas dalam satu operasi di sepanjang perairan Tumpat dan Kuala Besar, Kota Bharu, hari ini.

Gerakan berkenaan dijalankan Jabatan Perikanan Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor sempena operasi bersepadu bermula jam 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Nazri Ishak, berkata penggunaan bubu naga lebih dari dua injap adalah salah mengikut Akta Perikanan 1985 berikutan semua ikan kecil serta benih ikan komersial akan masuk dan terperangkap dalam peralatan berkenaan.

"Rampasan itu dibuat di perairan laut Kuala Tak Bai, Tumpat sehingga Kuala Besar, Kota Bharu oleh 19 anggota PPM dan pegawai penguat kuasa Jabatan Perikanan menggunakan empat bot. Kita percaya bubu naga itu dipasang oleh nelayan tempatan, namun tiada tangkapan dibuat," katanya.

Bercakap pada sidang media di markas operasi PPM Wilayah Tiga di sini, Nazri berkata, siasatan dibuat mengikut Seksyen 8 (A), Seksyen 10 (A) dan Seksyen 29 Akta Perikanan 1985.

"Berdasarkan operasi sebelum ini, antara 70 hingga 80 peratus hasil tangkapan menggunakan bubu jenis itu adalah ikan kecil yang komersial dan ia turut menjejaskan ekosistem perikanan.

"Kita percaya bubu naga ini sudah digunakan sejak dua hingga tiga tahun kebelakangan ini dan sehubungan itu pemantauan pihak berkuasa kerap dilakukan," katanya.

Beliau menasihatkan nelayan tempatan supaya menjalankan kegiatan penangkapan hasil laut mengikut peraturan bagi memastikan ekosistem dan pembiakan sumber laut di kawasan perairan cetek tidak terjejas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	2



SEORANG remaja lelaki ditemui lemas selepas dipercayai terjatuh dari feri persiaran dalam kejadian di perairan Pulau Setindan, Mersing.

Mersing

Mayat kru feri dekat jeti LKIM

Seorang kru feri ditemui mati lepas 'hilang' hampir 24 jam ketika feri dinaiki dalam perjalanan ke Pulau Tioman jam 3.30 petang kelmarin.

Mangsa, Luqman Hakimi Mat Noor, 21, bagaimanapun dipercayai terjatuh dari feri itu sebelum mayatnya ditemui berhampiran jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini, tengah hari semalam.

Jurucakap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Mersing berkata, mayat mangsa ditemui + terapung di kawasan itu

jam 1.55 tengah hari semalam.

"Pusat Kawalan Operasi APM Daerah Mersing sebelum ini menerima maklumat daripada Balai Polis Mersing memaklumkan kejadian mangsa terjatuh dari feri persiaran ke Pulau Tioman jam 3.30 petang kelmarin.

"Berikutan itu gerakan mencari dan menyelamat (SAR) dilancarkan dengan disertai pasukan APM, bomba, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin serta kakitangan syarikat feri itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

MADA sasar pengeluaran padi 10 tan per hektar

ALOR SETAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) komited meningkatkan hasil pengeluaran padi kepada 10 tan per hektar berikutan proses pengambilan tanah yang lebih singkat.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata proses pengambilan tanah bagi tujuan menaik taraf sistem pengairan dan saliran sawah sebelum ini mengambil masa sekurang-kurangnya setahun.

Katanya, selaku Pengerusi MADA yang baharu dilantik, beliau tidak berpuas hati dengan keadaan itu dan sudah meminta proses itu dipercepat agar pesawah menerima manfaat segera.

"Terdapat kekangan dalam usaha meningkatkan hasil padi sebelum ini antaranya adalah proses pengambilan tanah yang terlalu lama untuk memasang paip saliran..tak silap saya dahulu kita ambil masa dua tahun dan kemudian dapat dikurangkan kepada setahun.

"Saya akan arahkan proses ini dipercepatkan lagi kerana kita perlu mengurus peruntukkan yang disalurkan Kerajaan Persekutuan secara efisien dan mengelak kerenah birokrasi," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu beliau mengadakan perjumpaan bersama warga MADA di Ibu Pejabat MADA yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama, Azman Nasrudin.

Secara purata, pengeluaran padi di negeri ini hanya mampu mencapai antara lima ke tujuh tan per hektar dan pengeluaran boleh menjadi lebih rendah sekiranya berlaku bencana atau serangan penyakit.

Mukhriz berkata, menjadi hasrat kerajaan negeri melihat lebih ramai petani keluar dari garis kemiskinan dengan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan.

Katanya, sehingga kini terdapat hampir 2,500 daripada 57,000 pesawah MADA menjadi usahawan dalam pelbagai bidang, malah ada dalam kalangan mereka bergelar jutawan.

"Kita sedar pesawah sering berhadapan cabaran terutamanya faktor cuaca dan serangan penyakit serta haiwan perosak sehingga berlaku kemerosotan hasil, tetapi kita tidak nafikan ada pesawah mampu mencatat hasil 14 tan per hektar semusim.

"Saya yakin petani yang mencatat hasil tinggi ini berfikir di luar kotak dan petani lain juga tidak harus ketinggalan, mereka boleh menjadi usahawan menghasilkan produk atau menanam padi organik dan beras wangi yang mendapat permintaan lebih tinggi," katanya.

18/4/2019

BERITA
HARIAN

VARSITI

V9

bhvarsiti@bh.com.my

usahawanmuda

Cili kampung jana pendapatan

● Perniagaan dijalankan Disember lalu diinspirasi oleh kumpulan Alwaleed

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khalidudin
khairul.anam@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kesibukan belajar tidak menghalang minat mahasiswa Sarjana Sains (Mekamikal) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Ahmad Fikriil Khairi Shahrudin, 24, untuk mengusahakan tanaman cili kampung menggunakan sistem fertigasi secara sambilan. Beliau berkata, perniagaan dijalankan sejak Disember tahun lalu itu diinspirasi oleh kumpulan Alwaleed iaitu kumpulan yang menyatukan petani, pemborong dan peniaga Melayu di Malaysia selain turut menyediakan peluang untuk petani mengembang produk mereka ke luar negara.

"Setakat ini saya mempunyai 400 pokok cili di mana tanaman ini dilakukan



Ahmad Fikriil mengusahakan tanaman cili kampung menggunakan sistem fertigasi.

Ahmad Fikriil membelanjakan RM2,000 bagi perniagaan produk cili kampung bara dan lada.



menggunakan sistem baja dan pengairan dalam satu masa (fertigasi), malah penjagaannya juga tidak sukar berbanding kaedah konvensional sedia ada.

"Saya membelanjakan modal permulaan sendiri iaitu RM2,000 bagi perniagaan produk cili kampung bara dan lada ini. Wang itu digunakan untuk membeli kelengkapan utama termasuk pam 0.5 hp kuasa kuda, paip, tangki, pam racun, baja serta barangan lain diperlukan," katanya

kepada BH Varsity.

Anak muda kelahiran Kluang, Johor itu berkata, cabaran dihadapi ialah dari aspek pembahagian masa antara belajar dengan perniagaan dan penyediaan sistem pengairan secara berseorangan, namun beliau yakin kepayahan dilalui pasti akan membuahkan hasil berganda kelak.

Kualiti produk

"Kekangan lain ialah bagi memastikan jadual penyiraman mengikut masa

ditetapkan, sukatan baja dengan tepat dan cabaran mengendali serangga perosak yang berpotensi menjejaskan tanaman, oleh itu, penekanan aspek ini amat dititikberatkan bagi memastikan kualiti produk dihasilkan.

"Fokus terhadap pengajian tetap menjadi keutamaan kerana perniagaan ini diusahakan pada hujung minggu di kampung (Gunung Lambak Kluang) tanpa mengganggu waktu kuliah, justeru melakukan

dua kerja pada satu masa ini menuntut saya untuk berkorban lebih dari segi masa mahupun tenaga.

Ahmad Fikriil berkata, pendapatan yang diraih melalui perniagaan berkenaan ialah sekitar RM400 hingga RM500 sebulan di bagi tujuan penyimpanan serta memenuhi hasratnya untuk membesarkan kebun cili itu pada tahun depan.

"Saya juga bercadang untuk memohon lesen Skim Amalan Pertanian Baik

Malaysia (myGAP) dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) daripada Kementerian Pertanian serta Industri Asas Tani untuk meningkatkan kualiti produk cili ini.

"Selain itu, saya turut memasang impian bagi merivung pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD) selepas ini, pada masa sama akan melakukan persediaan untuk melanjutkan pertaulihan sebagai jurutera profesional," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	MY METRO	ONLINE	

Kartunis 'cipta' arca jerami padi



JERAMI padi biasanya dibuang atau dibakar tanpa dimanfaatkan sepenuhnya. Namun berbeza bagi kartunis terkenal, Ruslan Ayob, 45, yang menggunakan semula jerami sebagai arca berbentuk haiwan, manusia dan peralatan pertanian.

Ruslan yang dikenali sebagai Taugeh berkata, dia menceburi seni pembuatan arca itu sejak tiga bulan lalu dan tidak menyangka hasilnya menarik perhatian orang ramai.

"Setakat ini, saya sudah membuat lapan arca antaranya berbentuk manusia, kerbau, rusa dan lembu.

"Kebiasaannya, arca haiwan mengambil masa seminggu untuk disiapkan manakala arca manusia memerlukan masa dua minggu berikutan proses pembuatannya lebih rumit," katanya ketika ditemui di Parit Tiga Timur, Sungai Besar.

Menurut pemilik Orang Orang Kafe itu, arca itu dijual dengan harga antara RM500 hingga RM3,000 bergantung pada saiz, proses penghasilan dan ketahanan.

"Jika ada individu berminat membeli arca ini, kita akan memberi perkhidmatan selenggara dengan harga berpatutan setiap enam bulan sekali.

"Sehingga kini, beberapa arca sudah dijual kepada mereka yang berminat dengan seni penghasilan ini," katanya.

Ruslan berkata, pihaknya menerusi Jari Seni Anak Tani (JASAT) membuka peluang kepada orang ramai yang berminat menghasilkan arca dengan menyertai bengkel pada setiap Sabtu dan Ahad.

"Kita mahu mengumpul lebih ramai peserta yang ingin mempelajari seni itu sekali gus menjadi tarikan baru pengunjung ke Sabak Bernam.

"Pengunjung turut boleh mengetahui manfaat lain kegunaan jerami padi selain daripada penghasilan arca," katanya.

Menurutnya, dia berhasrat membuka galeri seni jerami padi pada masa akan datang.

"Jika diberi kesempatan, saya merancang mengumpul semua arca yang dibina dan diletakkan dalam galeri bagi membolehkan orang ramai melihat sendiri hasil seni itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Permudahkan pengusaha jentera pertanian beli diesel dengan kuantiti yang banyak



KERJA-kerja menabur baja menggunakan traktor khas dibuat oleh pekerja semasa Tinjauan lokasi Projek Tanaman Nanas Padat di Kampung Bukit Batu Pahat, Merbok, Kedah. UTUSAN ONLINE/Gambar hiasan

ARAU 17 April - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diminta mempermudah urusan pembelian diesel kepada pengusaha jentera pertanian.



MOHD. SHAZWAN SUBHAN

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Subhan berkata, hal demikian penting kerana pengusaha jentera berat seperti traktor dan mesin padi memerlukan kuantiti bahan api yang banyak untuk beroperasi.

Kata beliau, pada masa ini, mereka hanya dibenarkan membeli sebanyak 40 liter bahan api sehari.

"Sebagai contoh, sebuah traktor memerlukan 65 liter bahan api sehari manakala mesin padi memerlukan 200 liter sehari untuk beroperasi. Ramai pengusaha merungut dalam isu ini dan meminta kerajaan mempertimbang untuk memudahkan urusan mereka.

"Kalau boleh perkenalkan mekanisme seperti menyediakan kad kepada para pengusaha ini bagi membolehkan mereka membeli bahan api dengan kuantiti yang banyak," katanya kepada Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Tambah beliau, para pengusaha yang ingin membeli diesel melebihi had dibenarkan, perlu mengemukakan pelbagai surat kebenaran yang sudah tentu akam menyukarkan mereka.

"Kita bukan ingin menyalahgunakan pembelian diesel itu sebaliknya untuk memudahkan para pengusaha dalam bidang pertanian ini.

"Saya harap kerajaan boleh mengkaji perkara ini demi kepentingan para pengusaha serta petani," katanya. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2019	SINAR HARIAN	SIDANG DUN PAHANG	22

Kerajaan perlu optimumkan rizab padang ragut

KERAJAAN negeri disaran memberikan rizab padang ragut di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri yang terbiar kepada syarikat-syarikat supaya dapat menjana pendapatan.

ADUN Peramu Jaya (BN), Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali berkata, di Pekan terdapat beberapa rizab

padang ragut yang dianggarkan seluas 124 hektar yang boleh dibangunkan dan dipajakkan oleh kerajaan negeri.

Menurutnya, rizab terbiar boleh digunakan secara optimum oleh pihak atau syarikat yang berminat bagi projek pertanian berasaskan makanan di negeri ini.

“Saya melihat pengusaha atau ternak lebih suka

menjalankan aktiviti itu (ternakan) di kawasan kampung tradisional mereka. Ini kerana mereka merasakan kawasan tersebut mempunyai pelbagai risiko seperti ternakan hilang dan sebagainya kerana tidak berpagar.

“Justeru kerajaan negeri wajar menggunakan rizab ini untuk pajakan agar boleh menjana pendapatan kepada kerajaan selain boleh mengoptimumkan tanah yang terbiar itu daripada dibiarkan terbiar,” katanya.

Sementara itu, seramai 196 petani dari beberapa tempat tidak boleh menjalankan penanaman padi berikutan masalah air bercampur air masin.

“Padi tidak boleh hidup jika air bercampur air masin,” katanya.



Sh Mohmed Puzi mengusulkan supaya kerajaan negeri menggunakan rizab padang ragut untuk jana pendapatan.